

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

إِنَّا جَعَلْنَاهُ قُرْءَانًا عَرَبِيًّا لَّعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٤٣﴾

'Sesungguhnya Kami jadikan Kitab itu sebagai Quran Yang diturunkan Dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal) memahaminya'. (Al-Zukhruf 43:3)

Penurunan ayat di atas menggambarkan hubungan antara Islam dan bahasa Arab adalah sangat rapat. Untuk memahami al-Quran dan Sunnah Rasulullah S.A.W dengan tepat memerlukan pada penguasaan bahasa Arab. Oleh kerana itu, kepentingan bahasa Arab adalah antara perkara yang ditekankan oleh Islam itu sendiri. Bahasa Arab telah dinobatkan sebagai salah satu bahasa utama dunia setanding dengan bahasa-bahasa utama yang lain. Antara faktor yang menyumbang kepada penerimaan dunia terhadap penggunaannya adalah kerana penyebarannya yang luas meliputi banyak negara dan jumlah penutur jatinya yang begitu besar.

Perkembangan pengajaran bahasa Arab di Malaysia telah bermula sejak kedatangan Islam ke Tanah Melayu melalui sistem pondok, madrasah dan sebagainya. Senario perkembangan ini mengalami perubahan demi perubahan seiring dan selari dengan apa yang berlaku dalam dunia pengajaran dan pembelajaran di sekelilingnya.

Bermula pada tahun 1984, Bahagian Pendidikan Islam (BPI) yang kini dikenali sebagai Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengorak langkah membuat perubahan yang tersusun mengenai kaedah pengajaran bahasa Arab. Di mana pada tahun tersebut, KPM dengan kerjasama *The Islamic Educational, Scientific and Cultural Organization* (ISESCO) telah menganjurkan beberapa siri kursus bagi guru-guru bahasa Arab. Melalui kursus-kursus

tersebut guru-guru bahasa Arab mula didedahkan dengan pendekatan komunikatif yang menekankan aspek kemahiran berbahasa dalam pengajaran bahasa Arab. (JAPIM, 2002)

Berdasarkan kepada pelaksanaan kurikulum bahasa Arab, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) dan kini dikendalikan oleh Bahagian Pembinaan Kurikulum (BPK) secara jelas membuat pernyataan mengenai matlamat pengajian bahasa Arab di sekolah adalah bermatlamatkan kepada penguasaan kemahiran-kemahiran berbahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Menyedari akan kepentingan penguasaan kemahiran tersebut, pengkaji merasa terpacu untuk memfokuskan kajian mengenai pembelajaran kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan murid sekolah rendah kebangsaan.

Kemahiran menulis adalah satu kemahiran yang penting dan perlu dikuasai oleh pelajar-pelajar. Ianya bukan sahaja dalam pembelajaran bahasa tetapi juga untuk mata-mata pelajaran yang lain. Ini kerana bahasa menjadi media untuk melahirkan buah fikiran. Menulis dianggap mustahak dalam apa bentuk sekalipun kerana ia dapat membantu meningkatkan pencapaian pelajar dalam pelajaran. Penguasaan kemahiran menulis di kalangan pelajar tidak terhad untuk jangka masa yang pendek sahaja, bahkan berlanjutan sepanjang usia hidup mereka. (Kamarudin Hj. Hussin & Siti Hajar Hj. Abdul Aziz, 1997).

1.1 Latar Belakang Kajian

Menulis merupakan kemahiran yang penting dalam mempelajari bahasa asing. Melalui menulis pelajar akan dapat menambah kemahirannya yang lain dan dapat meningkatkan penguasaan bahasa (Rosni Samah, 2009). Akan tetapi masalah penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu hari ini menjadi topik utama perbincangan ahli cendekiawan akademik dalam memantapkan sistem pendidikan

negara. Menurut Abdul Hadi Mohd Salleh (1998) mengatakan bahawa penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar pada masa kini keseluruhannya sangat tidak memuaskan. Jadi, pengkaji merasakan pengkajian mengenai kemahiran berbahasa di peringkat sekolah rendah lagi perlu diambil serius bagi mengelak dari penguasaan kemahiran asas berbahasa menjadi satu masalah utama di peringkat menengah dan tinggi.

Menurut Corder, S.P. (1974). Kemahiran menulis haruslah dikuasai pada peringkat awal supaya para pelajar dan menghasilkan tulisan yang kemas dan mudah dibaca. Ini kerana menulis merupakan suatu tugas yang kompleks. Ia merupakan kebolehan berbahasa yang paling sukar diperolehi.

Asmah Omar (1984) kemahiran berbahasa itu merupakan tahap tertinggi dalam penguasaan bahasa seseorang sama ada bahasa pertama, kedua atau asing yang dapat dilihat dari dua sudut, iaitu penggunaan sistem dan peraturan-peraturan itu dalam konteks perwujudannya, iaitu konteks wacana dan konteks sosiolinguistik.

Melihat kepada senario pembelajaran bahasa Arab di Malaysia merupakan bahasa yang ketiga atau asing selepas bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Hal ini menunjukkan bahawa pentingnya status bahasa Arab di Malaysia dan bukan sahaja di negara Arab. Bahasa Arab dianggap penting di Malaysia kerana majoriti masyarakat adalah beragama Islam dan agama tersebut merupakan agama rasmi di Malaysia.

Bertitik tolak dari kesedaran terhadap kepentingan bahasa Arab, pihak kerajaan Malaysia telah memperkenalkan bahasa Arab di peringkat universiti dan menengah. Malah bermula pada tahun 2003 pihak Kementerian Pelajaran Malaysia telah melaksanakan program pengajaran bahasa Arab di peringkat sekolah rendah lagi menerusi program j-QAF (Jawi, al-Quran, bahasa Arab, Fardu Ain) untuk mendedahkan para pelajar kepada kemahiran bahasa ini selaras dengan kepentingannya di peringkat global pada masa kini.

Kesemua komponen dalam j-QAF adalah elemen-elemen dalam Pendidikan Islam kecuali bahasa Arab. Antara matlamat j-QAF adalah bertujuan membolehkan semua murid Islam mempelajari Bahasa Arab. Mata pelajaran Bahasa Arab komunikasi sebagai bahasa tambahan diajar kepada murid tahun satu dengan masa 60 minit seminggu mulai tahun 2005.

1.2 Penyataan Masalah

Penguasaan bahasa seperti ini dinamakan penguasaan bahasa untuk berkomunikasi sama ada secara lisan atau tulisan yang seharusnya menjadi matlamat pengajaran sesuatu bahasa. Justeru itu, dalam konteks pembelajaran sesuatu bahasa khususnya bahasa asing, dilihat bahawa kemahiran menulis itu antara aspek terpenting dalam menguasai bahasa tersebut.

Menurut Zainol Abidin (2003) penguasaan kemahiran menulis ayat dalam bahasa Arab di kalangan pelajar Melayu masih rendah. Kelemahan ini jika tidak ditangani secara berkesan akan mendatangkan impak yang negatif terhadap pembelajaran dalam kursus-kursus yang ditawarkan dalam bahasa Arab di peringkat kolej atau universiti.

Dengan wujudnya kurikulum baru j-QAF yang telah dimulakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia pada tahun 2005, maka pengkaji merasa sangat relevan kajian sebegini bagi mengikuti perkembangan kemajuan tentang keberkesanan kurikulum program j-QAF dalam pengajaran bahasa Arab khususnya dalam kemahiran menulis.

Pengkaji juga merasa perlu mengenal pasti masalah yang timbul di sebalik proses penguasaan kemahiran berbahasa di kalangan murid sekolah khususnya dalam kebolehan menulis. Kegagalan mengetahui fenomena sebenar dan mengenal pasti masalah yang mengganggu murid-murid sudah tentulah akan menggagalkan hasrat

murni kerajaan dalam Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) yang ingin melahirkan murid-murid yang mampu menguasai bahasa Arab berdasarkan tahap yang telah ditetapkan.

Bertitik tolak dari masalah tersebut, penulis yang merupakan salah seorang dari pencinta bahasa al-Quran merasakan seolah-olah terpanggil bagi melakukan kajian sebegini bagi mengetahui sejauh manakah murid-murid menguasai kemahiran tersebut.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini diharapkan akan dapat menerangkan objektif berikut:-

- i. Mengkaji tahap kebolehan kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan murid-murid sekolah kebangsaan menerusi program j-QAF.
- ii. Mengenal pasti masalah-masalah dan faktor-faktor kelemahan murid-murid dalam aktiviti kemahiran menulis bahasa Arab menerusi program j-QAF.
- iii. Mengenal pasti peranan guru-guru bahasa Arab j-QAF dalam membantu murid-murid menguasai kemahiran menulis bahasa Arab berdasarkan sukatan pelajaran bahasa Arab j-QAF.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian di atas, pengkaji berharap persoalan kajian berikut dijawab:

- i. Apakah tahap kebolehan kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan murid-murid sekolah kebangsaan menerusi program j-QAF?
- ii. Apakah masalah-masalah dan faktor penyebab kelemahan murid-murid dalam penguasaan bahasa Arab khususnya kebolehan menulis bahasa Arab?

- iii. Apakah peranan guru-guru bahasa Arab j-QAF dalam membantu murid-murid menguasai kemahiran menulis bahasa Arab berdasarkan sukatan pelajaran yang disediakan?
- iv. Apakah kekerapan kesilapan yang dilakukan bagi setiap soalan ujian?

1.5 Kepentingan Kajian

Berdasarkan kajian yang dijalankan, pelbagai pihak dapat mengambil kepentingan dari hasil kajian ini seperti pihak guru, sekolah, Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan daerah, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), pengkaji-pengkaji akan datang di arena yang sama dan sebagainya. Antara kepentingan kajian ini adalah:

- i. Pihak Penggubal Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)

Memberi panduan kepada pihak yang berkaitan dalam menilai dengan lebih menyeluruh pelaksanaan, mengenal pasti masalah dan cadangan-cadangan untuk mengatasinya. Seterusnya dapat merancang dan menjalankan kursus-kursus yang bersesuaian dengan guru-guru bahasa Arab.

- ii. Jabatan Pelajaran Negeri (JPN)

Membekalkan maklumat kepada pelbagai pihak termasuk Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) berkaitan tahap penguasaan kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan murid sekolah rendah menerusi program j-QAF.

- iii. Sekolah

Membantu pihak sekolah dan warga pendidik khususnya guru dan murid dalam membuat refleksi, perancangan dalam merangka persediaan terhadap peranan masing-masing dalam membantu anak didik mereka menguasai kemahiran

menulis bahasa Arab. Seterusnya memberi manfaat kepada pihak sekolah untuk memperbaiki kualiti pencapaian murid-murid supaya dapat mengikuti program yang dirancang dengan baik. Kajian ini juga turut memberi maklumat kepada warga pendidik bagi mengenal pasti masalah yang dihadapi murid-murid dan guru j-QAF.

iv. Penggubal

Memberi maklumat dan idea-idea yang berguna kepada penggubal kurikulum bahasa Arab dalam menyusun slibus buku teks bahasa Arab akan datang.

v. Pengkaji

Memberi maklumat pada pengkaji akan datang dalam mengenal pasti masalah-masalah yang timbul dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab melibatkan empat kemahiran asas menguasai bahasa khususnya kemahiran menulis. Di samping itu juga, diharapkan juga agar kajian ini boleh dijadikan penggerak kepada pengkaji akan datang dalam bidang berkaitan untuk membuat kajian selanjutnya.

Akhirnya, diharapkan kajian ini dapat memberi sumbangan ilmiah dalam bidang pendidikan bahasa Arab di Malaysia dan menjadi salah satu bahan rujukan bagi pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis kepada guru, murid-murid, dan sesiapa sahaja yang berminat dengan bahasa Arab.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada perkara-perkara berikut:-

- i. Sampel kajian adalah berkelompok dan dipilih secara rawak bebas. Ia terbatas kepada 100 orang sampel yang mewakili populasi tahun enam yang mengikuti pembelajaran bahasa Arab menerusi program j-QAF.
- ii. Pemilihan subjek kajian dari kalangan tahun enam kerana murid-murid telah melalui enam tahun proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab menerusi program j-QAF dan ianya merupakan tahap terakhir dalam program j-QAF.
- iii. Pemilihan sampel tidak mengambil kira faktor pencapaian pelajar cemerlang atau lemah.
- iv. Ujian penguasaan kemahiran menulis tersebut adalah terbatas berdasarkan isi kandungan buku teks bahasa Arab tahun enam menerusi program j-QAF.
- v. Fokus pengkaji dalam kajian ini adalah berdasarkan objektif kemahiran menulis bahasa Arab dalam huraian sukatan pelajaran tahun enam. Dalam kemahiran menulis tersebut, tujuh objektif dalam tiga peringkat kemahiran menulis yang ingin dicapai dalam kurikulum Bahasa Arab komunikasi iaitu:

Peringkat Pertama:

1. Menulis huruf dan perkataan dengan betul.
2. Menulis perkataan berdasarkan kaedah yang betul dan memahaminya.
3. Menulis susunan (tarkīb) serta mengulanginya.

Peringkat Kedua:

4. Menulis ayat berdasarkan tatabahasa yang betul serta memahaminya.
5. Menulis ayat namaan dan kerjaan serta mampu membezakan antara keduanya.

Peringkat Ketiga:

6. Menulis perkataan dan ayat dan memastikannya betul.
7. Menggunakan perkataan dan ayat yang telah dipelajari serta mampu membina ayat berdasarkan situasi yang sesuai.

1.7 Definisi Konsep

Dalam kajian ini, terdapat kata ataupun istilah yang perlu dijelaskan bagi memberi kefahaman mendalam kepada pembaca terhadap kajian disertasi ini:

1.7.1 Penguasaan

Menurut Torshen (1997), penguasaan ialah pemerolehan tahap prestasi yang mencukupi. *Concise Oxford Dictionary* mendefinisikan penguasaan sebagai pemerolehan yang secukupnya bagi sesuatu subjek dengan menggunakan satu instrumen. Manakala Kamus Dewan (2004), mendefinisikan penguasaan sebagai perihal menguasai atau menguasai.

Berdasarkan kepada definisi yang telah dinyatakan, penguasaan mempunyai kaitan rapat dengan kebolehan individu dalam sesuatu perkara. Maksud penguasaan yang difokuskan di dalam kajian ini ialah pemerolehan secukupnya idea dan penggunaan perbendaharaan kata yang sesuai bagi menulis huruf, perkataan serta mengarang susunan ayat oleh murid-murid dalam bahasa Arab.

Jadi, dalam kajian ini penguasaan yang dimaksudkan adalah kebolehan atau perihal kuasai bahasa Arab dalam kalangan murid mengikut sukatan yang dilaksanakan secara rasmi dalam bilik darjah. Sukatan yang dimaksudkan ialah sukatan pembelajaran bahasa Arab tahun enam melalui program J-QAF yang telah dikeluarkan oleh pihak KPM.

1.7.2 Kemahiran menulis

Kemahiran menulis bahasa Arab dalam kajian ini adalah dilihat daripada keupayaan pelajar menulis huruf, perkataan dan membina ayat lengkap dalam satu peringkat tertentu. Menurut Maimun Aqsha Lubis (1991), tulisan adalah bahasa yang bertulis dengan lambang-lambang bunyi. Jika tulisan itu dibunyikan semula, itulah yang dikatakan bahasa. Tulisan adalah alat untuk melahirkan fikiran dan perasaan. Ia merupakan bahasa yang tersusun yang serupa rangkai kata dan ayat-ayat.

Berdasarkan kepada definisi yang dinyatakan oleh sarjana tersebut, kemahiran menulis yang dimaksudkan di dalam kajian ini ialah kemampuan pelajar menghasilkan satu penulisan bahasa Arab yang sesuai dengan tahap murid-murid tahun enam dan kurikulum bahasa Arab komunikasi berdasarkan program j-QAF.

1.7.3 Bahasa Arab

Bahasa Arab merupakan satu-satunya bahasa Semit (bahasa Afroasia) dengan bilangan penutur yang paling banyak melebihi 150 juta. Ia merupakan satu-satunya bahasa utama di seluruh dunia Arab iaitu Mesir, Sudan, Libya, negara-negara Afrika Utara yang biasanya dirujuk sebagai Maghrib (seperti Tunisia, Maghribi, dan Algeria), Arab Saudi, Iraq, Jordan, Negara-negara Teluk dan lain-lain. Malah ia merupakan bahasa utama negara-negara bukan Arab seperti Republik Chad di Afrika Tengah (Ensiklopedia Bahasa Utama Dunia, 1998).

Secara lebih khusus, Bahasa Arab yang ingin dikaji oleh pengkaji ialah bahasa Arab di peringkat sekolah rendah. Mata pelajaran bahasa Arab ini adalah salah satu komponen dalam kurikulum program j-QAF. Kurikulum tersebut adalah digubal oleh Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM), Kementerian Pelajaran Malaysia. Kurikulumnya merangkumi kemahiran-

kemahiran berbahasa yang terdiri daripada kemahiran mendengar, membaca, bertutur, dan menulis.

1.7.4 Murid

Murid yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah murid yang sedang mengikuti pendidikan formal pada peringkat sekolah kebangsaan. Murid-murid ini telah mendapat pendidikan formal bahasa Arab melalui program j-QAF selama enam tahun bermula dari mereka pada tahun satu.

1.7.5 Program j-QAF

Program j-QAF adalah suatu usaha memperkasakan Pendidikan Islam melalui penekanan khusus dalam pengajaran Jawi, al-Quran, bahasa Arab dan Fardu Ain (JAPIM:2006). Pelaksanaan program ini menggunakan kurikulum serta model dan modulnya tersendiri. Tenaga guru yang khusus digunakan untuk pemulihan, bimbingan, kemahiran, pengukuhan, pengayaan dan penghayatan murid. Pelaksanaannya menggunakan peruntukan jadual waktu sedia ada. Berikut definisi bagi istilah-istilah dalam j-QAF:

i. **Jawi**

Menurut Pedoman Ejaan Jawi, Dewan Bahasa dan Pustaka (1993) tulisan jawi adalah sejenis sistem tulisan dari kanan ke kiri. Sistem tulisan ini tidak mempunyai huruf besar atau kecil. Ia hanya mempunyai perubahan bentuk kepada huruf-huruf apabila ditulis secara tunggal atau berangkai. Tulisan dan ejaan yang menggunakan huruf-huruf abjad Arab dan beberapa huruf yang diubah suai mengikut lidah Melayu. Jumlah huruf Jawi yang digunakan untuk mengeja dan menulis dalam bahasa Melayu ada 35 huruf. JAPIM pada 2004 telah memperkenalkan satu model projek iaitu “Model

Kelas Pemulihan Jawi” bagi tujuan proses pengajaran yang dilaksanakan oleh guru pemulihan untuk memulihkan murid yang keciciran dalam jawi.

ii. Al-Quran

Ditinjau dari segi bahasa, al-Quran berasal dari bahasa Arab yang bererti "bacaan" atau "sesuatu yang dibaca berulang-ulang". Kata al-Quran adalah bentuk kata benda (masdar) dari kata kerja *qara'a* bermaksud membaca. Hasrat murni dalam pelaksanaan program j-QAF adalah untuk memastikan murid-murid kuasai kemahiran bacaan al-Quran, maka pihak JAPIM telah memperkenalkan “Model 6 Bulan Khatam Al-Quran”. (JAPIM, 2004).

iii. Bahasa Arab

Dalam kepentingan menguasai bahasa Arab, pihak JAPIM dalam KPM telah memperkenalkan bahasa Arab Komunikasi yang merupakan salah satu komponen dalam j-QAF. Pelaksanaan mata pelajaran bahasa Arab Komunikasi diperluaskan kepada semua murid dengan mewajibkannya kepada semua murid yang menganut agama Islam dan memberi pilihan kepada murid yang tidak menganut agama Islam. (JAPIM, 2004).

iv. Fardu Ain

Ialah satu kewajipan atau kefardhuan yang diwajibkan ke atas setiap muslim yang berakal dan baligh (mukallaf). Itu tidak termasuk kanak-kanak yang belum baligh dan juga yang tidak berakal (Hassan Langgulung, 1997). Dalam tajuk konsep fardu ain

ini khusus kepada kefarduan solat sahaja. Iaitu untuk memastikan supaya tiap-tiap pelajar benar-benar mengetahui, memahami dan boleh mengamalkan dengan cara yang betul dan sempurna sebagaimana yang ditetapkan oleh syarak (Bahagian Pendidikan Islam, 1990).

Berdasarkan kepada huraian definisi bagi program J-QAF tadi, kajian ini membawa maksud batasan kajian bahasa Arab khususnya kemahiran menulis yang dikaji oleh pengkaji hanya pada tahap kurikulum J-QAF untuk tahun enam sahaja tanpa melihat kepada kurikulum dan tahun yang lain.

1.8 Rangka Kajian

Kajian yang dijalankan dibahagikan kepada lima bab yang mengandungi bahagian-bahagian tertentu seperti berikut:

Bab 1 : PENGENALAN

Bab ini merupakan pengenalan kepada kajian yang dijalankan dan membincangkan pernyataan masalah, objektif kajian, soalan-soalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasional.

Bab 2: SOROTAN KAJIAN LITERATUR

Bab ini berkisar mengenai apakah landasan bagi teori yang digunakan oleh pengkaji. Bab ini juga akan mengutarakan pernyataan, fakta, teori, pendapat, penilaian dan juga kajian-kajian yang berkaitan dengan tajuk pengkaji. Kajian-kajian lepas yang dihuraikan adalah yang berkaitan secara langsung mahupun tidak langsung dengan kajian yang dijalankan. Daripada itu juga, pengkaji akan cuba mengenal pasti metodologi kajian yang digunakan dan kewujudan jurang kajian yang belum dikaji oleh pengkaji-pengkaji pada kajian lepas

Bab 3: METODOLOGI KAJIAN

Bahagian ini, pengkaji akan menjelaskan reka bentuk kajian dalam proses penyelidikan yang bersesuaian dengan tajuk kajian merangkumi instrumen kajian, subjek kajian, pendekatan kajian, tempat kajian, kesahan dan kebolehpercayaan kajian dan sebagainya.

Bab 4: ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Dalam bahagian ini, akan dihuraikan perbincangan mengenai data dan dapatan kajian yang dijalankan melalui ujian kemahiran menulis bahasa Arab ke atas murid yang dipilih sebagai responden kajian, soal selidik yang melihat latar belakang dan amalan kemahiran menulis bahasa dalam kalangan murid-murid dan juga temu bual bersama guru-guru yang terlibat dalam aktiviti pengajaran bahasa Arab melalui program j-QAF. Justeru itu, pengkaji akan membuat interpretasi keseluruhan data terhadap kajian ini supaya mencapai objektif kajian yang telah digariskan.

BAB 5: KESIMPULAN, CADANGAN DAN PENUTUP

Bab terakhir ini, pengkaji akan membuat kesimpulan dan rumusan berdasarkan hasil dapatan dari bab keempat. Beberapa saranan dan cadangan turut dikemukakan kepada pihak-pihak berkenaan sebagai salah satu usaha meningkatkan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan murid-murid sekolah kebangsaan.

1.9 Penutup

Bab ini telah membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan mengapa kajian ini perlu dilakukan. Beberapa sebab utama telah diutarakan dalam bab ini yang menjadi persoalan kajian. Ianya bertujuan untuk menyingkap permasalahan dalam usaha mempertingkatkan institusi pendidikan negara khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia.

Justeru itu, keperluan dalam menguasai kemahiran menulis bahasa Arab sebagai bahasa asing di peringkat kanak-kanak atau sekolah rendah harus diberi perhatian sewajarnya. Pengkaji berharap dengan pelaksanaan kajian ini akan merungkaikan segala persoalan yang wujud berdasarkan rangka kajian yang telah dibina.